



Siri No 0006

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1983

KEMUDAHAN MENDUDUKI RUMAH KERAJAAN/PIHAK BERKUASA ATAU RUMAH YANG DISEWA OLEH KERAJAAN/PIHAK BERKUASA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PERSEKUTUAN DARIPADA SEMENANJUNG

Pindaan Perenggan 7 Dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1983

Mengikut peruntukan di perenggan 7 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1983, pegawai Persekutuan daripada Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Daerah Bintulu, Sarawak layak diberi kemudahan menduduki rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa atau rumah yang disewa oleh Kerajaan/Pihak Berkuasa dengan diberi sewa maksima sebanyak 25% lebih daripada kadar sewa maksima yang layak diberi kepada pegawai-pegawai Persekutuan daripada Semenanjung yang berkhidmat di tempat-tempat lain di Negeri Sarawak. Oleh kerana mulai 1hb Mac, 1983 kadar sewa maksima yang layak diberi kepada pegawai-pegawai Persekutuan daripada Semenanjung Malaysia dalam Kumpulan "A" (Tingkatan Biasa) yang berkhidmat di tempat-tempat lain di Negeri Sarawak telah dipinda, dan untuk Kumpulan "B", "C" dan "D" telah diwujudkan kadar yang berlainan bagi Tingkatan Kanan/Tertinggi dan Tingkatan Biasa, maka kelayakan dan kadar sewa maksima bagi pegawai-pegawai Persekutuan daripada Semenanjung dalam Kumpulan "A" (Tingkatan Biasa), "B", "C" dan "D" yang bertugas di Daerah Bintulu, Sarawak adalah juga dipinda. Oleh itu mulai 1hb Mac, 1983, kadar sewa maksima serta kelayakan yang baru adalah seperti berikut:

Kumpulan	KADAR SEWA MAKSIMA	
	Kadar Lama Sebulan	Kadar Baru Sebulan
KUMPULAN "A"		
Tingkatan Tertinggi "D" dan ke atas	\$1,250.00	Tidak berubah
Tingkatan Tertinggi "G" hingga "E"	\$ 937.50	Tidak berubah
Tingkatan Kanan	\$ 750.00	Tidak berubah
Tingkatan Biasa	\$ 625.00	\$687.50
KUMPULAN "B"		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 437.50	\$562.50
Tingkatan Biasa		\$500.00

	KADAR SEWA MAKSIMA	
	Kadar Lama Sebulan	Kadar Baru Sebulan
KUMPULAN "C"		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 375.00	\$468.75
Tingkatan Biasa		\$437.50
KUMPULAN "D"		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 312.50	\$406.25
Tingkatan Biasa		\$375.00

2. Walau bagaimanapun, syarat-syarat di perenggan 8 dan 9 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1983 itu masih dipakai.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.
22hb Februari, 1983.